

'Kerajaan boleh bertindak'

Demonstrasi: Mahathir beri amaran

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Kerajaan boleh mengambil tindakan-undang-undang terhadap sesiapa yang mengambil bahagian dalam demonstrasi lain ini.

Bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri tidak menyatakan bentuk tindakan tersebut tetapi berkata, "Tanyalah Menteri Dalam Negeri dalam hal ini."

Bercakap kepada para pemberita di pejabatnya, beliau berkata, para pekerja di negara ini mesti mematuhi undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas keputusan MTUC untuk mengadakan demonstrasi kerana membantah pindaan Undang-undang Buruh, baru-baru ini.

Meskipun demikian Datuk Seri Dr. Mahathir berpendapat sebahagian besar pekerja negara ini mempunyai fikiran wa-

ras dan sudah tentu tidak akan mengambil bahagian terhadap tindakan yang merugikan.

Menurutnya, Kerajaan akan terus memastikan rakyat negara ini mempunyai peluang perkerjaan yang sewajarnya.

"Tidak ada gunanya sebahagian kecil pekerja menerima gaji yang lumayan tetapi sebahagian besar tidak mempunyai pekerjaan," kata Datuk Seri Dr. Mahathir.

Sementara itu, MTUC akan mengadakan mesyuarat tergepar Jumaat ini membincangkan keputusan berpiket di seluruh negara.

Mesyuarat tersebut diadakan berikutan kenyataan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk Richard Ho mengenai perkara tersebut.

Pemangku Presiden MTUC, Encik T. Narendran memberitahu, tindakan berpiket seluruh negara bukan bertujuan menimbulkan huru-hara tetapi akan dijalankan secara teratur selepas

berkerja sejajar dengan peruntukan Perlembagaan Negara.

Katanya, dalam perkara ini, Kerajaan terlalu sensitif terhadap tindakan keoll itu dan menyebabkan timbul prasangka bahawa Kerajaan terlalu memihak kepada majikan.

"MTUC sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab kepada kaum pekerja di negara mempunyai hak untuk menyuarakan ketidak puashatinya," kata beliau.

Beliau menegaskan, tindakan berpiket itu adalah sah di sisi undang-undang dan ia tidak sama sekali bercanggah dengan Undang-undang Buruh negara ini.

Encik Narendran menyatakan pihaknya menghantar surat kepada Ketua-Ketua Polis Negeri tentang tindakan berpiket itu tetapi belum mendapat jawapan lagi.

Menjawab satu soalan beliau berkata, seluruh anggota gabungan MTUC memberi sokongan terhadap tindakan berpiket itu.

MTUC hari ini didesak mengkaji semula keputusan menyeru semua anggota gabungannya berpiket, Isnin ini.

Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) yang membuat desakan tersebut berharap MTUC perlu memikirkan kembali keputusan tersebut demi kepentingan perpaduan semua kesatuan.

Presiden KPPK, Haji Mokhtar Haji Abdul Rahim memberitahu Berita Harian demikian selepas beliau memengerusikan satu sidang khas Exco KPPK lebih empat jam.

Sidang itu telah mencapai kata sepakat dan menggesa MTUC memanggil satu mesyuarat tergepar Majlis Am pada hari Jumaat ini bagi membincangkan semula keputusan piket itu.

Keputusan piket itu diputuskan oleh Majlis Am MTUC dalam satu sidang khas di sini, baru-baru ini.

"Kami menunggu hasil mesyuarat itu kelak dan jika tidak ada satu keputusan konkrit dicapai, KPPK akan membuat pendiriannya sendiri," tegas beliau.

Ditanya sama ada maksud membuat pendirian sendiri itu sebagai menarik diri dari MTUC, Haji Mokhtar dengan tegas menambah: "Kita tunggulah hasil mesyuarat itu sekiranya MTUC benar-benar sanggup memanggil satu sidang tergepar pada hari tersebut.

Katanya, KPPK yang dianggotai oleh lebih 30,000 orang ahli membuat keputusan itu berlandaskan tentang perpaduan semua kesatuan dan "kami sentiasa menjunjung perlembagaan."

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri

No. Penerimaan